

 **Alamat
Pejabat YPK
Kawasan**

BIL	ALAMAT	NO TELEFON & FAKS
1	Pejabat YPKT Kawasan Kemaman Lot 144 Kampung Gong Limau, 24000 Kemaman, Terengganu	09-8584898
2	Pejabat YPKT Kawasan Dungun Lot 9999 Bangunan Business Centre Sura Gate, 23000 Dungun, Terengganu	09-8485654
3	Pejabat YPKT Kawasan Hulu Terengganu Lot G18, G19, G20 & G21, Tingkat 1 Bangunan Arked Diman, 21800 Ajil, Hulu Terengganu, Terengganu	09-6812055
4	Pejabat YPKT Kawasan Marang PT No. 160 & 161 Pekan Marang, 21600 Marang, Terengganu	09-6189135
5	Pejabat YPKT Kawasan Kuala Terengganu Jalan Sultan Omar, 20300 Kuala Terengganu	09-6249355
6	Pejabat YPKT Kawasan Kuala Nerus Lot PT 30714 Taman Desa Wakaf Baru, Jalan Lapangan Terbang, 21300 Kuala Terengganu	09-6672667
7	Pejabat YPKT Kawasan Setiu Lot 2731, Kawasan Perumahan Kakitangan Putera Jaya, Kampung Pak Kancil , Bandar Permaisuri, 22100 Setiu, Terengganu	09-6097808
8	Pejabat YPKT Kawasan Besut Lot 5120 A Bangunan Wisma Koperasi Guru Melayu Bhd, Kampung Jawek, 22000 Jerneh, Besut, Terengganu	09-6976301



**Galeri
Aktiviti
Ibu Tunggal**



**Program
Cakna
Ibu Tunggal**



**YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA
TERENGGANU**
JALAN SULTAN OMAR, 20300
KUALA TERENGGANU
TERENGGANU.
TEL : 096249355/57/58

Pendahuluan



- ◆ Ibu Tunggal merupakan golongan yang perlu diberi perhatian oleh masyarakat agar permasalahan dan kebajikan mereka dapat diuruskan dengan sempurna. Selaras dengan kehendak tersebut, Kerajaan Negeri Terengganu melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu telah melaksanakan Program Cakna Ibu Tunggal.
- ◆ Bagi membantu menjangkau golongan Ibu Tunggal dengan berkesan dan selari dengan institusi masyarakat yang ada, KELAB Ibu Tunggal telah ditubuhkan disetiap Dewan Undangan Negeri (DUN).



Objektif

- ◆ Memperkasakan golongan Ibu Tunggal dalam membina kualiti kehidupan yang lebih cemerlang dan berkualiti.
- ◆ Membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh golongan Ibu Tunggal
- ◆ Mewujudkan kesedaran tentang tanggungjawab bersama dalam menjaga kebajikan Ibu Tunggal dan keluarga.
- ◆ Menggalakkan semua ahli keluarga Ibu Tunggal mendapat pendidikan asas yang sempurna.
- ◆ Menggalakkan Ibu Tunggal berdikari dan meningkatkan ekonomi keluarga.

Siapakah Ibu Tunggal?

Seseorang wanita itu ditakrifkan sebagai Ibu Tunggal, sekiranya ia berada dalam situasi berikut :

- ◆ Kematian suami dan sedia meneruskan tugas membesarkan anak-anak.
- ◆ Bercerai dan diberi hak penjagaan anak.
- ◆ Tidak diberi nafkah oleh suami untuk menyara hidup keluarga.
- ◆ Didalam proses perceraian (mengambil masa yang panjang).
- ◆ Suami uzur dan tidak mampu menyediakan nafkah dan memerlukan penjagaan yang rapi.
- ◆ Membesarkan anak orang lain tanpa pertolongan suami.



Peranan Kelab Ibu Tunggal

- ◆ Membantu mendapatkan penyertaan ahli didalam program yang dianjurkan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu atau agensi lain yang berkaitan.
- ◆ Membantu mengemukakan saranan-saranan yang dapat mempertingkatkan kebajikan dan taraf hidup Ibu Tunggal.
- ◆ Membantu dalam pengumpulan data dan maklumat Ibu Tunggal dan permasalahan dengan melengkapkan Borang e-Keluarga.

KOMPONEN PROGRAM *Cakna Ibu Tunggal*

- A Program Peningkatan ekonomi dan kemahiran**
 - ◆ Membimbing keluarga ibu tunggal menjalankan projek ekonomi melalui pelbagai kursus kemahiran yang bersesuaian bagi meningkatkan taraf ekonomi keluarga.
- B Program Bimbingan Kekeluargaan**
 - ◆ Membimbing ibu tunggal melalui program kekeluargaan dan ilmu keibubapaan dalam membentuk keluarga tunggal yang sejahtera.
- C Program Motivasi dan Perubahan Minda**
 - ◆ Membantu dalam mengenali kekuatan diri bagi membina minda yang lebih kreatif dan inovatif dalam menghadapi cabaran sebagai keluarga tunggal.
- D Program Bimbingan Perundangan**
 - ◆ Membimbing dan membantu dalam penyelesaian masalah perundangan di kalangan keluarga tunggal.
- E Anugerah Keluarga Tunggal Cemerlang**
 - ◆ Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada keluarga tunggal yang berjaya dan cemerlang dari sudut ekonomi, pencapaian pendidikan anak dan penglibatan dalam masyarakat.
- F Bantuan Pengurusan Kelab dan Persatuan Ibu Tunggal**
 - ◆ Membantu kelab dan persatuan dalam menjalankan aktiviti bersama masyarakat.
- G Tabung Kebajikan Keluarga Tunggal**
 - ◆ Memberi sumbangan kepada anak keluarga tunggal yang menghadapi kematian ibu atau bapa.
- H Dana Kebajikan Anak Ibu Tunggal**
 - ◆ Memberi sumbangan kepada anak keluarga tunggal yang Berjaya melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Awam bagi peringkat Diploma dan Ijazah Pertama